

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) mengatasi kekurangan pakar pembedahan jantung di Hospital Kerajaan dan berapa ramai doktor dihantar menjalani kursus kepakaran pembedahan jantung; dan
- b) berapa jumlah pesakit yang masih menunggu giliran untuk pembedahan jantung dan jumlah yang meninggal dunia sebelum sempat dapat giliran pembedahan jantung mereka dari tahun 2015 hingga September 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengatasi masalah kekurangan pakar pembedahan jantung, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan latihan *Parallel Pathway* melalui *National Cardiothoracic Surgery Training Programme* untuk mengurangkan tempoh latihan subkepakaran ini tanpa menjejaskan kualiti pakar bedah jantung yang terhasil. Program ini adalah usaha kerjasama antara *Royal College of Surgeons of Edinburgh U.K., the Academy of Medicine of Malaysia, Malaysian Association of Thoracic and Cardiovascular Surgery (MATCVS)* dan KKM. Program ini bermula menerima *trainee* sejak Julai 2016. Sehingga kini, terdapat sejumlah 25 *trainee* dalam Program ini. Kumpulan pertama akan menduduki *exit*

examination pada April 2021 dan dijangka menamati latihan mereka pada Jun 2022.

2. Jumlah pesakit yang masih menunggu giliran untuk pembedahan jantung sehingga 2019 adalah 2,191 pesakit. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan masa menunggu lebih lama memandangkan peningkatan bilangan kes pembedahan elektif yang tertangguh terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh dari pertengahan bulan Mac hingga awal bulan Jun. Selepas tempoh tersebut sehingga kini, perkhidmatan pembedahan elektif telah disambung kembali bersama inisiatif pelaksanaan lebih masa seperti *Saturday Operation Theatre List*. Di samping itu inisiatif penyumberluaran perkhidmatan ke hospital swasta serta kelulusan khas bayaran penuh ke Institut Jantung Negara (IJN) telah membolehkan 79 pembedahan jantung dilakukan setakat ini.

3. Anggaran bilangan pesakit jantung yang meninggal semasa dalam senarai menunggu adalah sebanyak 34 orang setahun bersamaan dengan 1.6 peratus. Namun begitu terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada kematian pesakit jantung semasa dalam senarai menunggu dan ianya perlu di ambil kira selain serangan jantung.

Sekian, terima kasih.